2.	Pemandu Kenderaan H11 untuk ditukarkan ke skim Pembantu Khidmat Awam H1	<p>1. Telah berkhidmat lebih 6 tahun di skim semasa, layak ditawarkan opsyen walaupun tidak memiliki sijil SPM/SVM.</p> <p>2. Berkhidmat kurang 6 tahun Perlu semak sijil SPM Perlu lulus 6 mata pelajaran dan 2 daripadanya perlu kepujian dan selebihnya lulus.</p> <p>Contoh : Memenuhi syarat BM (Lulus) BI (Lulus) Math (Lulus) Sains (Lulus) Geografi (Kepujian) Sejarah (Kepujian)</p> <p>Tidak memenuhi syarat BM (Gagal) BI (Lulus) Math (Lulus) Sains (Lulus) Pend. Islam (Lulus) Geografi (Kepujian) Sejarah (Kepujian)</p> <p>Tidak memenuhi syarat BM (Lulus) BI (Lulus) Math (Lulus) Sains (Lulus) Geografi (Gagal) Sejarah (Gagal) Subjek lain gagal</p>	<p>PP 1/2024 LAMPIRAN B10 Jadual 6 SPP 1/2002.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Jadual 6: Pekeliling Perkhidmatan/Surat Pekeliling Perkhidmatan Bagi Urusan Pelantikan Atau Pertukaran Pelantikan Yang Mensyaratkan Kelayakan SPM/SVM dan STPM/STAM</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Peringkat Kelayakan</th> <th>Rujukan Pekeliling Perkhidmatan (PP)/ Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>SPM</td> <td>SPP Bilangan 1 Tahun 2002</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>SVM</td> <td>PP Bilangan 1 Tahun 2016</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>STPM</td> <td>SPP Bilangan 11 Tahun 2005</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>STAM</td> <td>SPP Bilangan 14 Tahun 2009</td> </tr> </tbody> </table> <p>Catatan: Penjelasan mengenai pekeling perkhidmatan/surat pekeling perkhidmatan di atas adalah seperti di Lampiran B10. Bagi urusan pertukaran pelantikan penyandang sedia ada, syarat Bahasa Melayu adalah dikecualikan.</p> </div> <p style="text-align: center;">↓ Dikecualikan syarat BM sahaja bukan syarat lantikan</p> <p>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU (Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,493.24).</p> <p>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p> <p>(a) Lulus 6 mata pelajaran termasuk BM dan 2 daripadanya perlu kepujian; atau (b) lulus 6 mata pelajaran termasuk BM dengan 2 mata pelajaran adalah diperingkat kepujian dan selebihnya peringkat lulus yang dikumpulkan dalam 2 peperiksaan dalam tempoh 3 tahun berturut-turut; dan (c) memenuhi syarat BM sama ada kepujian atau lulus dan subjek-subjek tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim perkhidmatan.</p>	Bil	Peringkat Kelayakan	Rujukan Pekeliling Perkhidmatan (PP)/ Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP)	1.	SPM	SPP Bilangan 1 Tahun 2002	2.	SVM	PP Bilangan 1 Tahun 2016	3.	STPM	SPP Bilangan 11 Tahun 2005	4.	STAM	SPP Bilangan 14 Tahun 2009
Bil	Peringkat Kelayakan	Rujukan Pekeliling Perkhidmatan (PP)/ Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP)																
1.	SPM	SPP Bilangan 1 Tahun 2002																
2.	SVM	PP Bilangan 1 Tahun 2016																
3.	STPM	SPP Bilangan 11 Tahun 2005																
4.	STAM	SPP Bilangan 14 Tahun 2009																

PENETAPAN KELAYAKAN MASUK MINIMUM SVM DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Syarat-Syarat Layak Sijil Vokasional Malaysia




Syarat-Syarat layak Sijil Vokasional Malaysia (SVM)

1.	Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu (BM)
2.	(Purata Gred Kumulatif Akademik) PNGKA \geq 2.0
3.	(Purata Gred Kumulatif Vokasional) PNGKV \geq 2.67
4.	Kompeten semua mata pelajaran vokasional

Syarat layak ke Program Diploma Kolej Vokasional

1.	(Purata Gred Kumulatif Akademik) PNGKA \geq 2.0
2.	(Purata Gred Kumulatif Vokasional) PNGKV \geq 2.67
3.	Kompeten semua mata pelajaran Vokasional
4.	Sekurang-kurangnya 3 kredit mata pelajaran Vokasional termasuk Bahasa Melayu

**CONTOH SIJIL
SVM YANG
MEMENUHI
SYARAT**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
EXAMINATIONS SYNDICATE**

Calon yang tersebut namanya di bawah telah mengambil
Peperiksaan Sijil Vokasional Malaysia bagi kursus berkenaan dan dianugerahkan


SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA

NAMA : [REDACTED]
NO. KAD PENGENALAN : [REDACTED]
ANGKA GILIRAN : [REDACTED]
INSTITUSI : KOLEJ VOKASIONAL DATO' LELA MAHARAJA
KLUSTER : AGROINDUSTRI RUMINAN
KURSUS : AGROINDUSTRI RUMINAN

BAHASA MELAYU KOLEJ VOKASIONAL 1104	GRED A
KOMPETEN SEMUA MODUL AGROINDUSTRI RUMINAN	TAHAP KOMPETEN CEMERLANG
PURATA NILAI GRED KUMULATIF AKADEMIK (PNGKA)	3.43
PURATA NILAI GRED KUMULATIF VOKASIONAL (PNGKV)	3.72

SV 0000603



Pegawai Peperiksaan
Director of Examinations
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia

 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
EXAMINATIONS SYNDICATE**

Calon yang tersebut namanya di bawah telah memenuhi syarat persijilan dan dianugerahkan

SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA


 : DARREN DANTTY ANAK WISS
: K041021E007

INSTITUSI : KOLEJ VOKASIONAL BETONG, SARAWAK
KLUSTER : TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK
KURSUS : TEKNOLOGI ELEKTRIK

BAHASA MELAYU KOLEJ VOKASIONAL 1104	GRED A-
KOMPETEN SEMUA MODUL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK	
PURATA NILAI GRED KUMULATIF AKADEMIK (PNGKA)	3.66
PURATA NILAI GRED KUMULATIF VOKASIONAL (PNGKV)	3.79

Lembaga Peperiksaan memperakukan bahawa calon yang namanya tersebut
di atas ini telah dianugerahkan Sijil Vokasional Malaysia yang setara dengan
3 kredit Sijil Pelajaran Malaysia.

104284


Pegawai Peperiksaan
Director of Examination
Kementerian Pendidikan Malaysia



PENGURUSAN PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK BERKAITAN SSPA

PENGURUSAN PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK

01

Pegawai lantikan kontrak perkhidmatan (*Contract of Service*) **tidak** layak ditawarkan opsyen.

02

Pengurusan kontrak pegawai lantikan kontrak perkhidmatan (*contract of service*) bagi jawatan di bawah skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA adalah seperti yang berikut:

• sekiranya pegawai **memenuhi** syarat dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA, **pindaan atau perubahan** kepada perjanjian kontrak sedia ada hendaklah dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pegawai adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA; atau

• sekiranya pegawai **tidak memenuhi** syarat dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA, **pindaan atau perubahan** kepada perjanjian kontrak sedia ada hendaklah dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak bagi **tujuan pelarasan gaji**. Walau bagaimanapun, pegawai masih tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA serta kontrak pegawai akan **diteruskan sehingga tamat tempoh kontrak**.

03

Pelarasan gaji berdasarkan ketetapan di perenggan 59 hingga 66 hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan bagi pegawai lantikan kontrak perkhidmatan (*contract of service*) tanpa tertakluk kepada opsyen SSPA.



SURAT EDARAN JPA – PANDUAN NOTIS PINDAAN BORANG PERJANJIAN



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892208
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan Kami : JPA.(S).600-1/8/4 (8)
Tarikh : 18 Oktober 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PANDUAN NOTIS PINDAAN BORANG PERJANJIAN PEGAWAI KONTRAK BAGI PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK INTERIM DAN CONTRACT OF SERVICE (CoS) SELARAS DENGAN PELAKSANAAN SISTEM SARAN PERKHIDMATAN AWAM

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan telah bersetuju dengan pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 bagi menggantikan Sistem Saran Malaysia (SSM).
3. Susulan daripada keputusan ini, terdapat pindaan yang perlu dibuat kepada terma dan syarat yang diperuntukkan dalam Borang Perjanjian Pegawai Kontrak/ Perjanjian Pegawai Kontrak (Interim) yang telah ditandatangani oleh pegawai dengan pihak Kerajaan termasuk butiran dalam surat tawaran dan syarat-syarat pelantikan secara kontrak pegawai.

4. Menurut Fasal 14 Perjanjian Pegawai Kontrak/ Perjanjian Pegawai Kontrak (Interim), "*sebarang pindaan atau perubahan kepada perjanjian hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak*". Oleh itu, Jabatan ini telah menyediakan templat notis pindaan bagi memperuntukkan pindaan terma dan syarat Perjanjian Pegawai Kontrak/ Perjanjian Pegawai Kontrak (Interim) yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak sebagai panduan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan.

5. Notis pindaan ini hendaklah dibaca bersama-sama dan disifatkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Pegawai Kontrak/ Perjanjian Pegawai Kontrak (Interim) yang telah ditandatangani kedua-dua pihak. Pegawai adalah tertakluk kepada pindaan yang berkenaan.

6. Notis pindaan ini adalah sebagai panduan dan hendaklah disesuaikan dengan Borang Perjanjian Kontrak yang dikeluarkan kepada pegawai kontrak yang berkenaan. Templat notis pindaan ini boleh dimuat turun melalui portal SSPA.

7. Pengurus Sumber Manusia Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah merujuk kepada Penasihat Undang-Undang masing-masing untuk memastikan notis pindaan yang disediakan adalah tepat dan teratur bagi mengelakkan sebarang isu perundangan berbangkit pada masa hadapan.

8. Sehubungan itu, bersama-sama dengan ini dikemukakan panduan notis pindaan Borang Perjanjian Kontrak untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya jua.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' BADURHISAM BIN MOHD NOR)

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

TEMPLATE NOTIS PINDAAN PERJANJIAN PEGAWAI

TEMPLAT NOTIS PINDAAN BORANG PERJANJIAN PEGAWAI KONTRAK

No. rujukan : (No. Rujukan)

Tarikh : (Tarikh Notis)

SECARA SERAHAN TANGAN/POS BERDAFTAR/MELALUI E-MEL RASMI

Nama: (Pegawai)
No. Kad Pengenalan: (Pegawai)
Alamat: (Pegawai)

Salinan:
(Jawatan Ketua Jabatan)
(Alamat Ketua Jabatan)

<*Tuan/Puan>.

NOTIS PINDAAN TERMA DAN SYARAT PERJANJIAN PEGAWAI KONTRAK

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan Perjanjian Pegawai Kontrak yang telah dimeterai di antara Kerajaan Malaysia dengan Pegawai pada (tarikh perjanjian) (selepas ini dirujuk sebagai "Perjanjian") adalah berkaitan.

2. Untuk makluman <*tuan/puan>, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 dan pegawai lantikan kontrak (*Contract of Service*) adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA. Susulan daripada keputusan tersebut, terdapat perubahan ke atas terma dan syarat yang diperuntukkan dalam Perjanjian termasuk butiran dalam surat tawaran dan syarat-syarat pelantikan secara kontrak <*tuan/puan>.

3. Menurut Fasal 14 Perjanjian, telah diperuntukkan bahawa sebarang pindaan kepada Perjanjian hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak. Fasal 14 Perjanjian adalah seperti yang berikut:

*Pindaan

14. Sebarang pindaan atau perubahan kepada perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.*.

4. Sehubungan dengan itu, Kerajaan berhasrat untuk meminda terma dan syarat Perjanjian dengan menggantikan Jadual dalam Perjanjian dengan Jadual baharu sebagaimana yang ditandakan sebagai **LAMPIRAN A** dan dilampirkan bersama-sama dengan Notis ini.

5. Di samping itu, sila ambil maklum perubahan ke atas butiran dalam surat tawaran yang bertarikh (tarikh surat tawaran asal) (no. rujukan : no. rujukan surat tawaran asal) dan syarat-syarat pelantikan secara kontrak <*tuan/puan> seperti yang berikut:

CONTOH

a)	Jawatan	:	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29
b)	Klasifikasi	:	Perubatan dan Kesihatan
c)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
d)	Skim Perkhidmatan	:	Penolong Pegawai Perubatan
e)	Gaji	:	rujuk LAMPIRAN A Notis
f)	Jadual Gaji Minimum-	:	rujuk LAMPIRAN A Notis

6. Sila ambil perhatian bahawa tertakluk kepada pindaan yang dinyatakan dalam Notis ini dan **Lampiran A** kepada Notis ini, semua peruntukan dalam Perjanjian termasuk butiran dalam surat tawaran dan syarat-syarat pelantikan secara kontrak <*tuan/puan> adalah masih kekal dan hendaklah berkuat kuasa sepenuhnya ke atas pihak-pihak. Notis ini juga hendaklah menjadi tambahan kepada Perjanjian dan hendaklah dibaca dan dianggap sebagai sebahagian daripada Perjanjian.

7. Dengan ini, dikemukakan Notis ini untuk perhatian dan tindakan pihak <*tuan/puan>. Sila ambil maklum bahawa Notis ini <*akan mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 / **hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2024.>

NOTA:

(Ruangan Nota ini hendaklah dikeluarkan daripada Notis ini setelah ketetapan dibuat)

Sila pilih mana yang berkenaan sahaja:

*jika Notis ini dikeluarkan sebelum atau pada 1 Disember 2024.

**jika Notis ini dikeluarkan selepas 1 Disember 2024.

8. Mohon kerjasama pihak <*tuan/puan> untuk mengesahkan penerimaan notis ini dalam Akuan Penerimaan di **LAMPIRAN B**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX)

**Tandatangan Ketua
Jabatan boleh dicop dan
alamat boleh dicop atau
ditaip**

JADUAL PERJANJIAN BAHARU

LAMPIRAN A

JADUAL

1. FASAL 5 (X) – KELULUSAN

2. Fasal 6 (i) – Gaji

(a) Gaji Bulanan

Dalam tempoh Perjanjian ini, Pegawai akan dibayar sebanyak RM sebulan mengikut Jadual Gaji Minimum-Maksimum Gred (RM - RM).

(b) Pergerakan Gaji

Pegawai layak dipertimbang untuk pergerakan gaji tahunan secara biasa berdasarkan penilaian prestasi tahunan dan apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan.

(c) Penentuan Gaji Permulaan Yang Lebih Tinggi

Pegawai boleh memohon gaji permulaan yang lebih tinggi sekiranya Pegawai merupakan Pegawai yang dilantik secara kontrak (*Contract of Service*) oleh <Suruhanjaya> atas skim perkhidmatan dan gred yang sama tertakluk kepada kontrak (*Contract of Service*) terdahulu tidak terputus melebihi enam (6) bulan. Gaji yang boleh ditawarkan ialah gaji akhir yang diterima dalam kontrak (*Contract of Service*) sebelumnya terhad di gaji akhir yang diterima adalah teratur.

3. Fasal 6 (ii) - Elaun dan Kemudahan

Pegawai akan dibayar elaun dan kemudahan lain yang layak mengikut gred jawatan yang ditawarkan tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) - Bahagian VI Ceraian UP.1.1.1 Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*) dan Ceraian UP.1.1.8 - Penambahbaikan Kemudahan Bagi Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service*) Dalam Perkhidmatan Awam serta apa-apa dasar dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

4. Fasal 6 (iii) - Ganjaran

(a) Ganjaran hanya akan dibayar dengan syarat Pegawai menyempurnakan perkhidmatan/kontrak dengan memuaskan.

(b) Pegawai yang meletakkan jawatan atas apa sebab sekalipun tidak layak dibayar ganjaran kecuali peletakan jawatan kerana mendapat tawaran pelantikan dalam sektor awam. Hal ini termasuk Pegawai yang disyaratkan untuk mengikuti kursus pra perkhidmatan dalam sektor awam sebelum dilantik secara tetap.

(c) Pegawai layak dibayar ganjaran jika perkhidmatan mereka ditamatkan atau dipendekkan oleh Kerajaan sebelum cukup tempoh yang ditetapkan kecuali penamatan atau pemendekan kontrak itu dibuat atas sebab tatakelakuan dan/atau prestasi kerja yang tidak memuaskan.

(d) Pembayaran ganjaran kepada Pegawai adalah berdasarkan formula seperti yang berikut:

(i) Pegawai Yang Mencarum Kepada KWSP:

(17.5% - peratus kadar caruman majikan dalam KWSP berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa) x (gaji akhir x jumlah genap bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira) - (jumlah faedah ke atas caruman majikan dalam KWSP).

Jika jumlahnya negatif (-), pegawai tidak dikehendaki membayar balik jumlah tersebut.

(ii) Pegawai Yang Tidak Mencarum Kepada KWSP:

17.5% gaji akhir x jumlah genap bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira.

(iii) Ketua Perwakilan di Seberang Laut:

(18.5% - peratus kadar caruman majikan dalam KWSP berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa) x (gaji akhir x jumlah genap bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira) - (jumlah faedah ke atas caruman majikan dalam KWSP).

Jika jumlahnya negatif (-), pegawai tidak dikehendaki membayar balik jumlah tersebut.

5. Fasal 9 dan 10 - Notis Berhenti Kerja

(a) Kerajaan/Pegawai hendaklah mengemukakan secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh kuat kuasa pemberhentian perkhidmatan atau membayar satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis itu.

(b) Sekiranya Pegawai ditawarkan pelantikan lain dalam sektor awam atau ditawarkan kursus pra perkhidmatan dalam sektor awam, Ketua Jabatan Pegawai boleh mempertimbangkan permohonan pemendekan notis dan sekiranya permohonan tersebut dipertimbangkan, Pegawai akan dikecualikan daripada membayar satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis.

(c) Sekiranya Pegawai yang mengemukakan notis di bawah Fasal 10, tindakan itu terjumlah kepada peletakan jawatan oleh Pegawai.

Gaji
30 Nov 2024 +
pelarasan 8%

Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam

**PENGAKUAN
PENERIMAAN
NOTIS PINDAAN
TERMA DAN
SYARAT PERJANJIAN
PEGAWAI KONTRAK**

**Notis diisi oleh
pegawai yang sedang dilantik secara
kontrak (cos/interim)**

LAMPIRAN B

|

**PENGAKUAN PENERIMAAN NOTIS PINDAAN TERMA DAN SYARAT PERJANJIAN
PEGAWAI KONTRAK**

Dengan ini disahkan bahawa saya yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Notis bertarikh(no. rujukan :) dan bersetuju dengan pindaan kepada terma dan syarat Perjanjian Pegawai Kontrak termasuk surat tawaran serta syarat-syarat pelantikan saya sebagaimana dalam Notis.

Ditandatangan oleh:

Pegawai

Tandatangan)
Nama)	(XXXXXXXX)
Jawatan)
No. Kad Pengenalan		No. KP : XXXXXXXXXX

MAKLUMAT PERTANYAAN LANJUT




WAR ROOM




EMAIL: helpdesk_ssipa@moh.gov.my



PORTAL SSPA KKM



TERIMA KASIH



**TINDAKAN SUSULAN SSPA
OLEH
PENGURUS SUMBER MANUSIA
JKN/INSTITUSI/AGENSI DI KKM**

TINDAKAN SUSULAN PSM DI IPKKM/JKN/INSTITUSI/FASILITI

OPSYEN A – SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN

SEBELUM 21 OKTOBER

- Menyemak skim terlibat di organisasi mengikut kategori opsyen.
- Mengenal pasti calon dalam skim yang telah di gred hakiki/memangku.
 - (a) Gred Hakiki - HRMIS
 - (b) Memangku - Manual
- Mencetak dua (2) set borang mengikut kategori opsyen.
 - (a) Surat tawaran
 - (b) Akuan terima pegawai -
 - (c) Borang opsyen
 - (d) Akuan terima KJ

SEMASA (21 OKTOBER-30 NOVEMBER)

- Mengedarkan borang Lampiran G kepada pegawai terlibat.
- Memastikan maklumat pada borang opsyen adalah betul dan tepat.
- Sekiranya terdapat sebarang pindaan perlu merujuk kepada Buku Rekod Perkhidmatan. PSM bertanggungjawab mencetak semula borang opsyen yang telah dikemaskini.
- Mengedar semula borang opsyen kepada pegawai/kakitangan yang terlibat.
- Memastikan semua borang opsyen dilengkapkan dan dikembalikan kepada PSM sebelum 15 November 2024 dan selewat-lewatnya pada 30 November 2024. Pegawai yang mengembalikan borang yang lengkap sebelum 15 November 2024 akan menikmati pelarasan gaji baharu pada Disember 2024.
- Menyemak dan mengesahkan penerimaan borang opsyen.

MULAI 1 DISEMBER

- Memastikan akuan terima KJ dikemukakan kepada pegawai.
- Mengemaskini pilihan opsyen dalam HRMIS dan merekod dalam Buku Rekod Perkhidmatan.
- Merekod pelarasan gaji.

Semua skim selain daripada skim yang dinyatakan di dalam opsyen B, C, D dan E

BORANG OPSYEN A

OPSYEN A – SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN

LAMPIRAN G1

SURAT TAWARAN OPSYEN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PEGAWAI TETAP MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN

ARAHAN

- Kategori pegawai yang terlibat adalah seperti di Lampiran B1 hingga B4.
- Lampiran G1 hingga G4 hendaklah dilengkapkan oleh Ketua Jabatan di mana berkaitan dan disediakan dalam DUA (2) salinan.
 - SATU (1) salinan untuk jabatan.
 - SATU (1) salinan untuk pegawai.
- Pegawai perlu mengembalikan Lampiran G2 dan G3 kepada Ketua Jabatan.

(Diisi Oleh Ketua Jabatan)

Rujukan Fail Jabatan :

Kepada :

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini)

BAHAGIAN A

- Nama :
- No. K/P :
- Maklumat Perkhidmatan Semasa:
 - Nama Skim Perkhidmatan :
 - Sistem Saraan : Sistem Saraan Malaysia
 - Gred Hakiki :
 - Gaji Hakiki pada 30 November 2024 :
 - Jadual Gaji : Min: RM.....hingga Maks: RM.....
 - Tarikh Pergerakan Gaji :

BAHAGIAN B

- Tuan/puan dengan ini ditawarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dari skim perkhidmatan ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 dan gaji tuan/puan mulai 1 Disember 2024 adalah ditetapkan seperti berikut:
 - Gred :
 - Jadual Gaji : Min: RM..... hingga Maks: RM.....
 - Gaji : RM.....
- Sekiranya tuan/puan tidak bersetuju menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam, gaji tuan/puan adalah kekal seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 3(iv), Bahagian A surat tawaran ini.
- Tarikh pergerakan gaji tahunan tuan/puan dikekalkan.
- Tuan/puan dikehendaki MEMBACA dan MEMAHAMI keseluruhan kandungan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.
- Tuan/puan juga dikehendaki MELENGKAPKAN dan MENANDATANGANI borang opsyen di Lampiran G3 dan mengembalikannya kepada Ketua Jabatan tuan/puan sebelum atau pada 30 November 2024.
- Opsyen tuan/puan hendaklah dibuat dengan JELAS dan TANPA BERSYARAT.
 - Sekiranya tuan/puan BERSETUJU menerima opsyen ini, tuan/puan adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam.
 - Sekiranya tuan/puan TIDAK BERSETUJU menerima opsyen ini, tuan/puan akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.
 - Sekiranya tuan/puan tidak membuat pilihan opsyen atau membuat opsyen:
 - tidak jelas;
 - dengan bersyarat;
 - dengan bantahan;
 - dengan pindaan; atau
 - tidak mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan,

tuan/puan disifatkan sebagai tidak bersetuju menerima tawaran Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dan tuan/puan akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

- Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini dan kemudiannya tuan/puan meletak jawatan (kecuali meletak jawatan untuk menjawat jawatan lain dengan agensi kerajaan) atau ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran ini adalah dengan sendirinya terbatal.
- Sekiranya tuan/puan ditahan kerja atau digantung kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib pada bila-bila masa sebelum 1 Disember 2024, apa-apa faedah yang layak diberi kepada tuan/puan akan diselaraskan sewajarnya dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024.
- Sekiranya tuan/puan dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri, deportasi atau apa-apa bentuk perintah sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa sebelum 1 Disember 2024, apa-apa faedah yang layak diberi akan diselaraskan sewajarnya dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024.
- Opsyen tuan/puan adalah MUKTAMAD.

Tandatangan Ketua Jabatan :

Nama :

Jawatan :

Alamat Jabatan :

Tarikh :

Cap Rasmi

LAMPIRAN G1

BORANG OPSYEN A

LAMPIRAN G2

**SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI
MENGENAI PENERIMAAN SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM**

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN

[Surat Akuan ini hendaklah dikembalikan kepada Ketua Jabatan sebaik sahaja pegawai menerima Surat Tawaran Opsyen di Lampiran G1 (salinan pegawai) dan Borang Opsyen di Lampiran G3]

Kepada :

.....

.....

.....

.....

(Ketua Jabatan dan Alamat Pejabat Terkini - diisi oleh Ketua Jabatan)

Saya dengan ini mengaku menerima **Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam berserta dengan Borang Opsyen** mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Jawatan :

(Pegawai)

Tarikh :

LAMPIRAN G2

LAMPIRAN G3

**BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI TETAP
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024**

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN

(Opsyen ini hendaklah dibuat oleh pegawai)

Kepada:

.....

.....

.....

(Ketua Jabatan dan Alamat Pejabat Terkini*)

Tuan/Puan,

Merujuk kepada surat tuan/puan rujukan:* bertarikh* yang menawarkan opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, maka dengan ini saya membuat opsyen:**

(a) **BERSETUJU** menerima Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebagaimana ditawarkan dalam surat tawaran opsyen. Dengan keputusan ini, saya akan tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024;

ATAU

(b) **TIDAK BERSETUJU** menerima Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebagaimana ditawarkan dalam surat tawaran opsyen. Dengan keputusan ini, saya akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

* Diisi oleh Ketua Jabatan.
** Sila tandakan ✓ dalam salah satu petak yang berkenaan sahaja.

LAMPIRAN G3

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami akan segala kandungan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam dan implikasi opsyen ini serta saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah saya buat adalah **MUKTAMAD**.

Tandatangan Pegawai :

Nama :

No. K/P :

Jawatan :

Tarikh :

BORANG OPSYEN A

LAMPIRAN G4

Rujukan Fail:

**SURAT AKUAN OLEH KETUA JABATAN
MENGENAI PENERIMAAN BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM DARIPADA PEGAWAI
BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DIKEKALKAN**

(Surat Akuan ini hendaklah diserahkan kepada pegawai sebaik sahaja Ketua Jabatan menerima Borang Opsyen di Lampiran G3 yang telah lengkap dan ditandatangani oleh pegawai)

Kepada :

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini - diisi oleh Ketua Jabatan)


Dengan ini diakui bahawa Borang Opsyen yang telah dikemukakan oleh tuan/puan bertarikh sepertimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 telah diterima oleh Jabatan ini.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

(Ketua Jabatan)



Cap Rasmi

Tarikh :

LAMPIRAN G4

TINDAKAN SUSULAN PSM DI IPKKM/JKN/FASILITI

OPSYEN B – SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN MASUK SPM

SUBKATEGORI B1 : SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

SEBELUM 21 OKTOBER

- Mengenal pasti pegawai yang memenuhi syarat dan tidak memenuhi syarat di bawah kategori B1.
- Pegawai memenuhi syarat - Lampiran H
- Pegawai belum memenuhi syarat - Lampiran I
- Mencetak dua (2) set borang mengikut kategori opsyen.
 - (a) Surat tawaran
 - (b) Akuan terima pegawai
 - (c) Borang opsyen
 - (d) Akuan terima KJ

SEMASA (21 OKTOBER-30 NOVEMBER)

- Mengedarkan borang lampiran mengikut kategori opsyen:
 - (a) Pegawai memenuhi syarat - Lampiran H;
 - (b) Pegawai tidak memenuhi syarat -Lampiran I
- Memastikan maklumat pada borang opsyen adalah betul dan tepat. Sekiranya terdapat sebarang pindaan perlu merujuk kepada Buku Rekod Perkhidmatan. PSM bertanggungjawab mencetak semula borang opsyen yang telah dikemaskini.
- Mengedar semula borang opsyen kepada pegawai/kakitangan yang terlibat.
- Memastikan semua borang opsyen dilengkapkan dan dikembalikan kepada PSM sebelum 15 November 2024 dan selewat-lewatnya pada 30 November 2024. Pegawai yang mengembalikan borang yang lengkap sebelum 15 November 2024 akan menikmati pelarasan gaji baharu pada Disember 2024.
- Menyemak dan mengesahkan penerimaan borang opsyen.

MULAI 1 DISEMBER

- Memastikan akuan terima KJ dikemukakan kepada pegawai.
- Mengemaskini pilihan opsyen dalam HRMIS dan merekod dalam Buku Rekod Perkhidmatan.
- Merekod pelarasan gaji.
- Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan bagi pegawai yang memenuhi syarat adalah pada tarikh kuat kuasa opsyen.
- Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan bagi pegawai yang tidak memenuhi syarat adalah pada sehari selepas pegawai memenuhi syarat yang ditetapkan.

Skim terlibat di KKM:

- Pemandu / Operator Pemungkah
- Pemandu Kenderaan
- Pembantu Awam
- Pembantu Operasi

**Tempoh enam (6) tahun perkhidmatan dalam jawatan yang disandang berdasarkan prinsip tempoh pengalaman menggantikan kelayakan akademik SPM*

BORANG OPSYEN B

SUBKATEGORI B1 : SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN ATAU TELAH BERKHIDMAT MELEBIHI 6 TAHUN

LAMPIRAN H1

SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAN PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PEGAWAI TETAP
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN MASUK
PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA – SKIM PERKHIDMATAN YANG
DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN
DI BAWAH SISTEM SARAN PERKHIDMATAN AWAM)

ARAHAN
1. Lampiran H1 hingga H4 hendaklah dilengkapkan oleh Ketua Jabatan di mana berkaitan dan disediakan dalam dua (2) salinan.
- SATU (1) salinan untuk jabatan.
- SATU (1) salinan untuk pegawai.
2. Pegawai perlu mengembalikan Lampiran H2 dan H3 kepada Ketua Jabatan.

(Disisi Oleh Ketua Jabatan)

Rujukan Fail Jabatan :

Kepada :

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini)

Skim Perkhidmatan yang terlibat bagi opsyen ini adalah seperti senarai di bawah. Tuan/ Puan adalah di bawah Skim Perkhidmatan seperti yang ditandakan di bawah:

Sila Tandakan (✓) Yang Berkenaan	Skim Perkhidmatan di bawah SSM	Skim Perkhidmatan di bawah SSPA
	Pemandu Kenderaan Gred H11, H14, H16, H18	Pembantu Khidmat Am Gred H1
	Pemandu/ Operator Jentera Pemungkah Gred H11, H14, H16, H18	
	Pembantu Awam Gred H11, H14, H16, H18	
	Operator Loji Gred H11, H14, H16, H18	
	Bentara Parlimen Gred N11, N14, N16, N18	
	Penghantar Notis Gred N11, N14, N16, N18	
	Pembantu Operasi Gred N11, N14, N16, N18	

BAHAGIAN A

1. Nama :

2. No. K/P :

3. Maklumat Perkhidmatan Semasa:

(i) Nama Skim Perkhidmatan :

(ii) Sistem Saran : Sistem Saran Malaysia

(iii) Gred Hakiki :

(iv) Gaji Hakiki pada 30 November 2024 :

(v) Jadual Gaji : Min: RM..... hingga Maks: RM.....

(vi) Tarikh Pergerakan Gaji :

BAHAGIAN B

4. Tuan/puan dengan ini ditawarkan Sistem Saran Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dari skim perkhidmatan berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 dan gaji tuan/puan mulai 1 Disember 2024 ditetapkan seperti berikut:

(i) Gred :

(ii) Jadual Gaji : Min: RM..... hingga Maks: RM.....

(iii) Gaji : RM.....

5. Sekiranya tuan/puan tidak bersetuju menerima opsyen Sistem Saran Perkhidmatan Awam, gaji tuan/puan adalah kekal seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 3(iv), Bahagian A surat tawaran ini.

6. Tarikh pergerakan gaji tahunan tuan/puan dkekalkan/berubah kepada:*

(i) 1 Jan (ii) 1 Apr (iii) 1 Jul (iv) 1 Okt

* Sila tandakan ✓ dalam salah satu petak yang berkenaan sahaja.

7. Tuan/puan dikehendaki MEMBACA dan MEMAHAMI semua kandungan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

8. Tuan/puan juga dikehendaki MELENGKAPKAN dan MENANDATANGANI borang opsyen di Lampiran H3 dan mengembalikannya kepada Ketua Jabatan tuan/puan sebelum atau pada 30 November 2024.

9. (i) Opsyen tuan/puan hendaklah dibuat dengan JELAS dan TANPA BERSYARAT.

(ii) Sekiranya tuan/puan BERSETUJU menerima opsyen ini, tuan/puan adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam.

(iii) Sekiranya tuan/puan TIDAK BERSETUJU menerima opsyen ini, tuan/puan akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah Sistem Saran Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

(iv) Sekiranya tuan/puan tidak membuat pilihan opsyen atau membuat opsyen:

(a) tidak jelas;

(b) dengan bersetuju;

(c) dengan bantahan;

(d) dengan pindaan; atau

(e) tidak mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan,

tuan/puan disifatkan sebagai tidak bersetuju menerima tawaran Sistem Saran Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dan tuan/puan akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saran Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

10. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini dan kemudiannya tuan/puan meletak jawatan (kecuali meletak jawatan untuk menjawat jawatan lain dengan agensi kerajaan) atau ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran ini adalah dengan sendirinya terbatal.

11. Sekiranya tuan/puan ditahan kerja atau digantung kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib pada bila-bila masa sebelum 1 Disember 2024, apa-apa faedah yang layak diberi kepada tuan/puan akan diselaraskan sewajarnya dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024.

12. Sekiranya tuan/puan dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri, deportasi atau apa-apa bentuk perintah sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa sebelum 1 Disember 2024, apa-apa faedah yang layak diberi kepada tuan/puan akan diselaraskan sewajarnya dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024.

13. Opsyen tuan/puan adalah MUKTAMAD.


Tandatangan Ketua Jabatan :

Nama :

Jawatan :

Alamat Jabatan :

Tarikh :


Cap Rasmi

LAMPIRAN H1

BORANG OPSYEN B

SUB KATEGORI B1 : SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN ATAU TELAH BERKHIDMAT MELEBIHI 6 TAHUN

LAMPIRAN H2

**SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI
MENGENAI PENERIMAAN SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM**

**BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN
MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA - SKIM PERKHIDMATAN
YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU**

**(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN
DI BAWAH SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM)**

[Surat Akuan ini hendaklah dikembalikan kepada Ketua Jabatan sebaik sahaja pegawai menerima Surat Tawaran Opsyen di Lampiran H1 (salinan pegawai) dan Borang Opsyen di Lampiran H3]

Kepada :

.....

.....

.....

.....

.....

(Ketua Jabatan dan Alamat Pejabat Terkini - diisi oleh Ketua Jabatan)

Saya dengan ini mengaku menerima Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam berserta dengan Borang Opsyen mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Jawatan :

(Pegawai)

Tarikh :

LAMPIRAN H2

LAMPIRAN H3

**BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI TETAP
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024**

**BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN
MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA - SKIM PERKHIDMATAN
YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU**

**(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN
DI BAWAH SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM)**

(Opsyen ini hendaklah dibuat oleh pegawai)

Kepada:

.....

.....

.....

(Ketua Jabatan dan Alamat Pejabat Terkini*)

Tuan/Puan,

Merujuk kepada surat tuan/puan rujukan:* bertarikh* yang menawarkan opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, maka dengan ini saya membuat opsyen:**

(a) **BERSETUJU** menerima Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebagaimana ditawarkan dalam surat tawaran opsyen. Dengan keputusan ini, saya akan tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024;

ATAU

(b) **TIDAK BERSETUJU** menerima Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebagaimana ditawarkan dalam surat tawaran opsyen. Dengan keputusan ini, saya akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

* Diisi oleh Ketua Jabatan.
** Sila tandakan ✓ dalam salah satu petak yang berkenaan sahaja.

LAMPIRAN H3

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami akan segala kandungan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam dan implikasi opsyen ini serta saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah saya buat adalah **MUKTAMAD**.

Tandatangan Pegawai :

Nama :

No. K/P :

Jawatan :

Tarikh :

BORANG OPSYEN B

**SUB KATEGORI B1 : SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU
MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN ATAU TELAH BERKHIDMAT MELEBIHI 6 TAHUN**

Rujukan Fail:

**SURAT AKUAN OLEH KETUA JABATAN
MENGENAI PENERIMAAN BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM DARIPADA PEGAWAI
BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN
MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA - SKIM PERKHIDMATAN
YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU
(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN
DI BAWAH SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM)**

(Surat Akuan ini hendaklah diserahkan kepada pegawai sebaik sahaja Ketua Jabatan menerima Borang Opsyen di Lampiran H3 yang telah lengkap dan ditandatangani oleh pegawai)

Kepada :

.....

.....

.....

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini - diisi oleh Ketua Jabatan)

Dengan ini diakui bahawa Borang Opsyen yang telah dikemukakan oleh tuan/puan bertarikh sepertimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 telah diterima oleh Jabatan ini.


Tandatangan :

Nama :

Jawatan :
(Ketua Jabatan)

Tarikh :

Cap Rasm



LAMPIRAN H4

BORANG OPSYEN B

SUB KATEGORI B1 : SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

BELUM MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN : BERKHIDMAT KURANG 6 TAHUN DAN TIDAK MEMILIK KELAYAKAN SPM YANG DITETAPKAN

LAMPIRAN I1

SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PEGAWAI TETAP
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN KELAYAKAN MASUK
PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA – SKIM PERKHIDMATAN YANG DIGABUNG KE
SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

(PEGAWAI YANG BELUM MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN
DI BAWAH SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM)

ARAHAN
1. Lampiran I1 hingga I4 hendaklah dilengkapkan oleh Ketua Jabatan di mana berkaitan dan disediakan dalam DUA (2) salinan.
- SATU (1) salinan untuk jabatan.
- SATU (1) salinan untuk pegawai.
2. Pegawai perlu mengembalikan Lampiran I2 dan I3 kepada Ketua Jabatan.

(Disisi Oleh Ketua Jabatan)

Rujukan Fail Jabatan :

Kepada :

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini)

Skim Perkhidmatan yang terlibat bagi opsyen ini adalah seperti senarai di bawah. Tuan/Puan adalah di bawah Skim Perkhidmatan seperti yang ditandakan di bawah:

Sila Tandakan (✓) Yang Berkenaan	Skim Perkhidmatan di bawah SSM	Skim Perkhidmatan di bawah SSPA
	Pemandu Kenderaan Gred H11, H14, H16, H18	Pembantu Khidmat Am Gred H1
	Pemandu/ Operator Jentera Pemungkah Gred H11, H14, H16, H18	
	Pembantu Awam Gred H11, H14, H16, H18	
	Operator Loji Gred H11, H14, H16, H18	
	Bentara Parlimen Gred N11, N14, N16, N18	
	Penghantar Notis Gred N11, N14, N16, N18	
	Pembantu Operasi Gred N11, N14, N16, N18	

BAHAGIAN A

- Nama :
- No. K/P :
- Maklumat Perkhidmatan Semasa:
 - Nama Skim Perkhidmatan :
 - Sistem Saraan : Sistem Saraan Malaysia
 - Gred Hakiki :
 - Gaji Hakiki pada 30 November 2024 :
 - Jadual Gaji : Min: RM..... hingga Maks: RM.....
 - Tarikh Pergerakan Gaji :

BAHAGIAN B

- Tuan/puan dengan ini ditawarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dari skim perkhidmatan ke skim perkhidmatan serta gred dan jadual gaji yang berkuat kuasa sehari selepas tuan/puan memenuhi syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut:
 - Gred :
 - Jadual Gaji : Min: RM..... hingga Maks: RM.....
- Sekiranya tuan/puan **BERSETUJU** menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam:-
 - Gaji tuan/puan pada 1 Disember 2024 ditetapkan pada RM.....
 - Tuan/puan adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 sehingga tuan/puan memenuhi syarat tersebut; dan
 - Tuan/puan akan dipindahkan ke skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sehari selepas tuan/puan memenuhi syarat.
- Sekiranya tuan/puan **TIDAK BERSETUJU** menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam:-
 - Gaji tuan/puan adalah kekal seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 3(iv), Bahagian A surat tawaran ini; dan
 - Tuan/puan akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

- Tarikh pergerakan gaji tahunan tuan/puan dikekalkan/berubah kepada:*

(i) 1 Jan (ii) 1 Apr (iii) 1 Jul (iv) 1 Okt

* Sila tandakan ✓ dalam salah satu petak yang berkenaan sahaja.

- Tuan/puan dikehendaki **MEMBACA** dan **MEMAHAMI** semua kandungan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.
- Tuan/puan juga dikehendaki **MELENGKAPKAN** dan **MENANDATANGANI** borang opsyen di Lampiran I3 dan mengembalikannya kepada Ketua Jabatan tuan/puan sebelum atau pada 30 November 2024.
